

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)49

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

49. Aktiviti domestik pelancongan telah dibenarkan sejak 11 Oktober 2021, apakah inisiatif atau langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usaha mengekalkan keseimbangan pemulihan ekonomi sektor pelancongan serta pencegahan wabak COVID-19?

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

49. Pada pasca pandemik ini, Kerajaan Negeri mengutamakan pemulihan keyakinan pelawat dan meningkatkan pendedahan Pulau Pinang sebagai satu destinasi pelancongan utama yang bertanggungjawab. Selain mengetengahkan Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti Program Sistem Akreditasi bagi Kesiapsiagaan Pasca COVID-19 dan Kempen Pelancongan Bertanggungjawab, Kerajaan Negeri juga mengutamakan Kempen Pelancongan Mampan (*sustainable tourism*) dan aktiviti alam semula jadi.

Strategi-strategi pada tahap ini akan menggalakkan permintaan melalui kempen penjenamaan (*branding campaign*), meningkatkan hasil pendapatan melalui kempen taktikal perkongsian strategik (*strategic partnership tactical campaign*), penglibatan jenama (*brand engagement*) dan penjajaran industri (*industry alignment*).